

MAHATHIR - PEMBANGUNAN 'R'R'R'
(I)

1983

KUALA LUMPUR, 18 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGULANGI PENTINGNYA KERJASAMA RAPAT DAN PERSEFAHAMAN ANTARA SEKTOR AWAM DENGAN SEKTOR SWASTA BAGI MELE-TAKKAN NEGARA KE TAHAP PEMBANGUNAN YANG LEBIH TINGGI.

INI DAPAT DICAPAI DENGAN MENGAMALKAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAY-SIA YANG DIPERKENALKAN OLEH KERAJAAN, KATANYA DI PERASMIAN SEMINAR MENGENAI PERSYARIKATAN MALAYSIA DI PUSAT PEMBANGUNAN ASIA-PASIFIK DI SINI.

UCAPANNYA DIBACAKAN OLEH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR JAMES ONGKILI. SEMINAR SEHARI ITU DIANJURKAN OLEH UNI-VERSITI MALAYA DAN UNITED MALAYAN BANKING CORPORATION (UMBC).

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR MENYATAKAN KESALNYA KERANA MASIH WUJUD PERSEPSI YANG KURANG JELAS MENGENAI PROSES PEMBINAAN NEGARA DAN JUGA CARA YANG TERBAIK UNTUK MENCAPAINYA SEPERTI YANG DIBUKTIKAN OLEH NEGARA-NEGARA MAJU SEPERTI JEPUN DAN KOREA SELANTAN.

+USAHA-USAHA PEMBANGUNAN MEMERLUKAN KESUNGGUHAN, SOKONGAN, PENGLIBATAN DAN PENYERTAAN SETIAP ORANG,+ KATANYA. -- LAGI 1638/ZCM
MAHATHIR - PEMBANGUNAN 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA: +SAMBIL KERAJAAN MEMAINKAN PERANAN PENTING, PEMBANGUNAN MESTILAH MERUPAKAN SATU PROSES YANG POPULAR -- IA MESTILAH MERUPAKAN TINDAKAN RAKYAT. TETAPI MALANGNYA BERBAGAI KOMPONEN DAN KONSEP PEMBANGUNAN ITU YANG SEHARUSNYA MEMBANTU KITA LEBIH MEMAHAMI DAN MENGENDALIKAN PEMBANGUNAN ITU, TELAH MENIMBUL-KAN LAIN-LAIN MASALAH PULA.+

KATANYA INI IALAH KERANA KURANGNYA SIKAP DAN PERSEPSI YANG BETUL BAHAWA SEKTOR SWASTA DAN SEKTOR KERAJAAN BERUSAHA KE ARAH SATU KEBAIKAN BERSAMA.

KATANYA KERJASAMA RAPAT MEMANG SENTIASA TERJALIN ANTARA SEKTOR AWAM DENGAN SEKTOR SWASTA DI MALAYSIA, TETAPI SOKONGAN AKTIF DARI PIHAK SEKTOR AWAM UNTUK MEMASTIKAN KEJAYAAN USAHA SEKTOR SWASTA DAN SEBALIKNYA TIDAK BEGITU DIMAJUKAN. MALAH SETENGAH-SE-TENGAHNYA MERUPAKAN SATU SIKAP PERTENTANGAN YANG BOLEH MENJEJAS KEDUA-DUA PIHAK.

+DENGAN BERLATARBELAKANGKAN INILAH MAKA KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA DIPERKENALKAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERJASAMA ANTARA SEKTOR AWAM DENGAN SEKTOR SWASTA TELAH MENJADI LEBIH PENTING MEMANDANGKAN

SEKTOR SWASTA MEMPUNYAI PERANAN YANG LEBIH LUAS UNTUK DIMAINKANNYA
DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT. -- LAGI 1640/ZCM
ZCZC B617:

MAHATHIR - PEMBANGUNAN 3 KUALA LUMPUR

KATANYA RANCANGAN ITU MENYATAKAN BAHAWA PERANAN STRATEGIK SEKTOR SWASTA JELAS DITUNJUKKAN OLEH JUMLAH PELABURAN YANG BEGITU BESAR YANG AKAN DITAMPUNG OLEH SEKTOR TERSEBUT, SEBANYAK 72.7 PERATUS BAGI TEMPOH 1981-1985.

KERAJAAN SEBALIKNYA TERPAKSA MENGHADAPI KOS MENGURUS YANG DIJANGKA DALAM LINGKUNGAN \$17,000 JUTA YANG HAMPIR SAMA DENGAN PENDAPATAN YANG DIJANGKAKAN KIRA-KIRA \$18,500 JUTA BAGI TAHUN 1983.

PERDANA MENTERI BERKATA +KITA MESTI MENGIKTIRAF BAHAWA SEKTOR SWASTA SENTIASA MEMAINKAN PERANAN PENTING MEMENUHI MATLAMAT-MATLAMAT PEMBANGUNAN NEGARA.+

KATANYA KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA SEHARUSNYA MEMBUKA JALAN BAGI SATU CARA BEKERJA YANG BARU BAGI PIHAK KAKITANGAN KERAJAAN DAN HENDAKLAH MENGANGGAP SEKTOR SWASTA SEBAGAI SAINGAN MEREKA.

KIRA-KIRA 80 ORANG WAKIL SEKTOR SWASTA, KERAJAAN, PARA AKADEMIK DAN JUGA PELAJAR DARI 12 BUAH NEGARA, TERMASUK MALAYSIA, JEPUN, KOREA, NEW ZEALAND DAN INDIA, MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM SEMINAR SEHARI ITU. -- BERNAMA 1646/ZCM